

Lawatan Musa dijangka eratkan hubungan dagang

KUALA LUMPUR, Isnin — Hubungan dan kerjasama perdagangan serta pelaburan antara Malaysia-Amerika Syarikat dan Malaysia-Brazil akan menjadi tajuk perbincangan utama antara Datuk Musa Hitam dengan pemimpin kedua-dua negara itu dalam lawatan rasmi Pemangku Perdana Menteri dari 6 hingga 22 Oktober depan.

Selain dari berucap di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Datuk Musa juga dijadualkan menemui Naib Presiden Amerika Syarikat dan Presiden Brazil serta ahli-ahli perniagaan daripada kedua-dua negara itu.

Sumber-sumber memberitahu hari ini, Datuk Musa

akan berlepas ke New York pada 6 Oktober dan menyampaikan ucapannya di PBB pada 13 Oktober.

Isu-isu yang dijangka menjadi tumpuan Malaysia dalam perhimpunan itu meliputi usaha menjadikan benua Antartika sebagai wilayah antarabangsa, memberikan hak kepada Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea sebagai kerajaan sah di Kampuchea dan pengembalian Palestin di bawah penyeliaan PBB.

Sebelum itu, beliau akan mengunjungi Setiausaha Agung PBB, Encik Javier Perez de Cuellar dan Presiden Perhimpunan Agung ke-38 Encik Jorge Illueca.

Datuk Musa juga akan mengadakan jamuan malam untuk Menteri-Menteri Luar Asean dan Menteri serta wakil negara-negara Asia Pasifik yang menghadiri Perhimpunan Agung PBB.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Ketika di New York, Pemangku Perdana Menteri akan menyampaikan ucapan mengenai "Malaysia, Ekonomi dan Cabaran-cabaran Politik tahun 80-an" kepada Majlis Hubungan Luar New York di satu majlis jamuan pada 11 Oktober.

Pada 12 Oktober, beliau berlepas ke Washington untuk merasmikan Kelab Umno dan selepas itu menjadi tetamu Naib Presiden, Encik George Bush di majlis jamuan tengah hari, diikuti dengan jamuan teh bersama kakitangan Kedutaan Malaysia.

Sebelum berlepas ke Rio De Janeiro pada 14 Oktober, Datuk Musa akan menghadiri jamuan tengah hari sambil berbincang dengan masyarakat perniagaan Amerika Syarikat di New York.

Sumber-sumber itu berkata, jadual lawatan rasmi Datuk Musa yang pertama ke Brazil, yang akan disertai oleh kira-kira 20 wakil sektor swasta dari Malaysia, bermula dengan perbincangan dengan usahawan-usahawan Brazil pada 17 Oktober.

Rombongan Datuk Musa melawat pusat pengeluaran kapal terbang dan senjata dan menghadiri jamuan sambil mesyuarat dengan anggota-anggota Persekutuan Perindustrian di Sao Paulo pada 18 Oktober.

Di Brasilia, aturcara Datuk Musa ialah mengunjungi Presiden Brazil dan menjadi tuannya majlis jamuan malam pada 20 Oktober.

Ini diikuti dengan perbincangan dengan pegawai-pegawai kerajaan negara itu pada keesokan harinya dan menghadiri jamuan yang diberikan oleh Presiden Brazil.